

Dilema pilih Menteri Besar

Oleh NORAINI ABD. RAZAK
(WARTAWAN UTUSAN)

Langkah seumpama itu penting supaya setiap parti dapat bekerjasama, saling menasihati dan pada masa yang sama dilihat oleh pengundi-pengundi mereka sebagai wakil terpenting kepada mereka

SEHINGGA kini pakatan pembangkang di Perak masih belum mencapai kata sepakat berhubung siapa yang bakal menduduki kerusi Menteri Besar.

Biarpun pakatan pembangkang yang terdiri daripada Pas, DAP dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) bersetuju untuk berkongsi kuasa mentadbir negeri Perak tetapi tidak dalam hal melantik Menteri Besar.

Biarpun ketiga-tiga parti masih berbingang dan mencari calon yang paling sesuai, namun Pas telah menamakan Ir. Mohammad Nizar Jamaluddin untuk jawatan tersebut. Namun nama itu adalah dari Pas dan tidak disepakati oleh DAP mahupun PKR.

Hakikatnya, peringkat awal perkongsian kuasa tidak berjalan semudah yang dijangka, kerana parti berlainan perjuangan terutama antara Pas dan DAP, mempunyai matlamat amat berbeza.

Untuk DAP bergerak sendiri biarpun memperoleh 18 kerusi (yang terbanyak antara pembangkang), adalah mustahil, bergabung dengan PKR juga belum membolehkan kerajaan negeri ditubuhkan.

Waima apa sekalipun, penyertaan Pas diperlukan untuk merealisasikan hasrat pembangkang memerintah Perak. Hanya dengan penyertaan Pas maka pakatan pembangkang dapat dibenarkan berkuasa.

Namun pakatan yang dilihat amat mudah dari luar itu menempuh kesukaran pertama apabila selepas tiga hari membuat pencapaian mengejutkan, kata putus mengenai siapa bakal Menteri Besar masih tidak dimuktamadkan.

Apatah lagi dengan wujudnya Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak yang memperuntukkan klausa khusus berhubung pelantikan Menteri Besar di negeri itu.

Peruntukan itu jelas menyebut bahawa setiap Menteri Besar mesti berbangsa Melayu dan beragama Islam.

Peruntukan yang sama turut terkandung dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan

Negeri di semua negeri Melayu beraja.

Di Perak, peruntukan seumpama itu terkandung dalam artikel 12(2), Undang-Undang Tubuh Negeri Perak, manakala di Kedah, artikel 35(2); Kelantan, Artikel 12(2); Negeri Sembilan, artikel 39(2); Pahang, Bahagian II - artikel 3(2); Perlis, artikel 37(2); Selangor, artikel 51(2); dan Terengganu, artikel 10(2).

Begitu peruntukan yang *in pari materia* - serupa dalam bahasa biasa - bagi setiap negeri Melayu beraja apabila memperkatakan perihal kriteria individu yang ingin dilantik ke jawatan Menteri Besar.

Sebab itu, sejak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Menteri-Menteri Besar yang dilantik untuk mengetuai pentadbiran di negeri-negeri Melayu berbangsa Melayu dan beragama Islam.

Malah, banyak pihak melihat, peruntukan undang-undang seumpama itu sebagai benteng orang Melayu untuk memastikan jawatan Menteri Besar diisi oleh orang Melayu.

Amalan seumpama itu tidak terpakai di negeri-negeri yang diterajui oleh Ketua Menteri iaitu di P. Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak.

Memenangi

Pemilihan Ketua Menteri tertakluk kepada parti yang memenangi kerusi terbanyak sehingga berjaya membentuk majoriti dua pertiga.

Mungkin itu jugalah yang menjadi dilema DAP. Sebagai pemenang kerusi terbanyak, pastinya DAP ingin Menteri Besar terdiri daripada kaum Cina. Namun banyak faktor perlu ditimbang semasa masak-masaknya sebelum keinginan itu dapat dilunaskan termasuk mungkin me-

ngambil kira sentimen penyokong pembangkang berbangsa Melayu.

Pensyarah Undang-Undang Perlembagaan, Universiti Islam Antarabangsa, Dr. Sham Rahayu Abd. Aziz ketika ditanya senario tersebut menjelaskan, biarpun terdapat klausa yang menyebut Menteri Besar hendaklah Melayu dan Islam, namun sultan mempunyai kuasa muktamad untuk membuat keputusan.

Malah, katanya, mengikut peruntukan undang-undang sultan boleh melantik Menteri Besar yang bukan berbangsa Melayu dan tidak beragama Islam, jika perlu.

"Terdapat peruntukan undang-undang yang menyebut begitu, namun sehingga kini tidak pernah lagi mana-mana sultan melantik Menteri Besar bukan Melayu," katanya.

Beliau menarik perhatian mengenai kuasa eksekutif yang ada pada sultan sebagai ketua negeri mengikut perlembagaan negeri-negeri.

Semestinya, menurut beliau, sultan biarpun mempunyai kuasa eksekutif terutama dalam pelantikan Menteri Besar akan menggunakan budi bicara yang amat tinggi sebelum melantik Menteri Besar bukan Melayu.

Peruntukan undang-undang itu juga bukannya memberi kuasa sewenang-wenangnya kepada sultan untuk terus memutuskan pelantikan Menteri Besar bukan Melayu.

Sultan sebagai Ketua Agama Islam di negeri-negeri pastinya memikirkan kesan pelantikan Menteri Besar kepada hal ehwal agama negeri serta adat Melayu.

Justeru, bertitik tolak daripada pertimbangan itu, kemungkinan untuk sultan melantik bukan Melayu menjadi Menteri Besar agak terpencil, lantaran keharmonian bidang tugas antara Menteri Besar dan

sultan dalam hal ehwal agama dan adat Melayu amat diperlukan.

Seperkara lagi, sultan bukan membuat keputusan bersendirian biarpun mempunyai kuasa pemutus, kerana setiap nama akan diajukan kepada baginda terlebih dahulu untuk dianalisis.

Dalam hal pelantikan Menteri Besar Perak, semestinya DAP, PKR dan Pas akan berkompromi di peringkat akhirnya untuk menyerahkan satu nama bagi setiap parti untuk dipilih oleh sultan.

Dan mereka bersepakat untuk menerima mana-mana calon yang dipilih oleh sultan sebagai Menteri Besar yang mewakili semua kaum di negeri itu.

Manakala dalam kerena kerajaan campuran, tidak mustahil jika pakatan pembangkang menamakan dua wakil untuk menjadi Timbalan Menteri Besar bagi mewakili parti yang tidak dipilih ke jawatan nombor satu.

Terpenting

Langkah seumpama itu penting supaya setiap parti dapat bekerjasama, saling menasihati dan pada masa yang sama dilihat oleh pengundi-pengundi mereka sebagai wakil terpenting kepada mereka.

Perkara seumpama itu pernah dilaksanakan oleh kerajaan Pas di Kelantan selepas pilihan raya pada 1990 apabila kerajaan campuran antara Pas, Parti Melayu Semangat 46, Berjasa dan Hamim dibentuk.

Kerjasama yang dikenali sebagai Angkatan Perpaduan Ummah (APU) menyaksikan pelantikan dua Timbalan Menteri Besar iaitu Abdul Halim Abdul Rahman dan Datuk Rozali Isohak (Semangat 46) sebagai Timbalan Menteri Besar II.

Cuma bezanya, di Kelantan ketika itu, muafakat pembangkang adalah sesama parti yang diketuai oleh orang Melayu dan beragama Islam.

Jadi tidak timbul soal sama ada Menteri Besar adalah orang Melayu dan Islam, cuma di peringkat awal memang timbul pertelingkahan dan perebutan antara parti untuk meletakkan wakil masing-masing.